




TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 9



LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 14

Kursus Pembangunan Bahan Silibus & Penyerahan Bahan Harta Intelekt

Oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat

26 – 28 April 2017 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) khususnya melalui Bahagian Pengurusan Repositori Institusi dan Imbangan Bahan (BPRIIB) telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pembangunan dan Pengukuran Pemilikan Bahan-Bahan Bacaan / Rujukan Silibus UiTM Perpustakaan Universiti Teknologi MARA Negeri (PUiTM Negeri) 2016 & Penyerahan Bahan Intelekt UiTM Negeri ke Repositori Institusi Universiti UiTM di semua Perpustakaan Kampus Cawangan / Negeri.

Ini merupakan agenda utama PTAR dan Universiti dan BPRIIB akan memastikan perkara ini diambil tindakan serius, khususnya dalam membuat penilaian sebenar pemilikan bahan-bahan / rujukan berdasarkan silibus di Perpustakaan-perpustakaan UiTM. Ini juga antara elemen penting mengikut kehendak audit-audit utama khususnya yang berkaitan dengan penyediaan sumber maklumat / bahan bacaan dalam hal-hal berkaitan akademik di UiTM.

Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor merupakan lokasi keempat yang dipilih bagi tahun 2016 untuk mengadakan kursus tersebut dengan bantuan penceramah serta fasilitator dari PTAR, UiTM Malaysia.

Penceramah yang hadir adalah En. Zulkifli bin Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan manakala fasilitator adalah En. Mohd Fahizan bin Hamid, Pustakawan Kanan. Kursus tersebut telah melibatkan seramai 27 orang staf PTDI dari Kampus Segamat & Kampus Pasir Gudang

Objektif kursus :

1. Mengenal pasti jumlah dan peratus pemilikan bacaan / rujukan silibus yang dimiliki oleh PUiTM negeri mengikut fakulti / pusat dan program yang ditawarkan oleh UiTM Negeri dan yang belum dimiliki untuk dibuat pembelian.
2. Menyediakan satu kaedah yang seragam bagi penandaan bacaan / rujukan silibus dalam sistem automasi PUiTM.
3. Menyediakan satu laporan statistik tentang pengukuran pemilikan dan pembangunan koleksi bahan bacaan/rujukan silibus PUiTM negeri dan PUiTM.
4. Meningkatkan bilangan penyerahan harta intelek UiTM Negeri ke Repositori Institusi UiTM.
5. Meningkatkan ketampakan bahan harta intelek UiTM di peringkat global.
6. Memenuhi keperluan sistem pengauditan MQA, ISO, badan-bahan professional dan UiTM dalam penarafan

